SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 18 SEPTEMBER 2026 (JUMAAT)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang **050101 dan 050102** seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
[FTA (CPTPP)] Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah 215 Unit Peralatan Pergigian *Dental Chair Cum Unit* (DDCU) Spesifikasi Pegawai Untuk Kegunaan Klinik Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun **No. Tender : QT260000000019798**	156/2026	Tarikh : 24 September 2026 (Khamis) Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Program Kesihatan Pergigian, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1, 62590 Putrajaya Nota: Kehadiran taklimat tender adalah **diwajibkan**. Sila bawa sijil asal / Salinan sijil serta cop syarikat.	1) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut: a) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan; b) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak adalah sehingga 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun termasuk untuk mengubah atau memendekkan tempoh tender tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa; c) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (*Margin Of Preference* – MOP); dan d) Program Kolaborasi Industri (ICP). (jika berkaitan)	Secara ePerolehan

*** PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN – SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN**

Telecenter:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325

Waktu pejabat:

ISNIN – KHAMIS
8.00 Pagi – 1.00 Petang
2.00 Petang – 4.00 Petang

JUMAAT
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
2.45 Petang – 4.00 Petang

Dokumen Tender boleh disemak mulai **18 September 2026 (Jumaat)** dengan melayari **www.eperolehan.gov.my.**

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled.* Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara ***Auto Invite***. Hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk *(key-in)* ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **3 November 2026 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.** Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran *(one-time payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran *(multiple payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia